

Rampas rokok seludup RM2.07j

Oleh Muhammad Hafis Nawawi
mhafs@mediapri-
ma.com.my

Retelling Jaya

adkan kontena bersaiz 12.1 meter sebagai tem-
pat simpanan kekal be-
jalan rokok putih dan ke-
retrek sebelum diedar dan
diagihkan kepada pembe-
cal tempatan.

Rokok itu yang mendapat
permintaan tinggi di pa-
raan termasuk warga
asing dan pendatang asing
ampa izin (PATI) menye-
pahkan sindiket menjalan-
kan kegiatan terbahit.

Bagaimanapun, ia ter-
panggil selepas Jabatan
Kastam Diraja Malaysia
(JKDM) Kuala Lumpur me-
yerbu kawasan parkir
kontena di Jalan Telekom,
Kampung Johan Setiap,
Klang pada jam 3 pagi, 9
ulai lalu.

Pengarah Kastam Wila-
yah Persekutuan Kuala
Lumpur, Wan Norizan Wan
Daud berkata, hasil peme-
iksaan itu, menemui
2,402,000 batang rokok pu-
ih dan keretrek import
disyaki barangan larangan
tianggarikan bernilai
RM2.07 juta.

"Hasil risikan dilakukan
sejak 12 tengah malam, pa-



WAN Norizan (empat dari kiri) menunjukkan barang rampasan rokok putih dan keretrek bernilai RM2.07 juta ketika sidang media di jabatan Kastam Diraja Malaysia Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. - Gambar NSTP/AMIRUDIN SAHIB

sukan kami menyerbu ka-
wasan parkir kontena di Ja-
lan Telekom, Kampung Jo-
han Setia, Klang dan me-
nemui sejumlah dagangan
disyaki rokok putih dan ke-
retrek.

"Kita tidak menolak ke-
mungkinan rokok berkena-
an diseludup masuk melalui
jalan laut dantiada tangka-
pan dibuat dalam serbuan
itu serta siasatan masih di-

jalankan," katanya pada si-
dang mediakompleks Kas-
tam Kuala Lumpur. Kelana
Jaya, di sini, senalam.

Beliau berkata, pengim-
portan dagangan ini me-
perlukan lesen import dan
setem cukai yang dihuluskan
Ketua Pengarah Kastam Ma-
laysia selaras dengan Pera-
turan 42(1), Peraturan-Pera-
turan Kastam 2019.

"Kes ini disiasat mengi-

kut Seksyen 135(1)(d) Akta
Kastam 1967 kerana me-
nyimpan atau memiliki ba-
rang tak berkastam atau
larangan import," katanya.

Sehubungan itu, beliau
menggesa orang ramai
membantu JKDM memera-
ngi jenayah penyeludupan
khususnya rokok, mino-
man keras, mercun, dadah
dan kenderaan, selain me-
nasihatkan supaya tidak

terlibat dengan aktiviti ber-
kenaan.

"Penyeludupan bukan sa-
haja merugikan negara dari
segi ketirisan hasil, malah
turut mendatangkan anca-
man kepada keselamatan
negara dan kesejahteraan
rakyat.

"Setakat Jun tahun ini,
JKDM WPKL telah menca-
tatkan sebanyak 160 kes
berkaitan rokok dengan ni-

lai rampasan dianggarkan
sekitar RM35 juta," kata-
nya.

Orang awam diseru me-
nyalurkan maklumat ber-
kaitan aktiviti penye-
ludupan dengan menghubu-
ngi talian bebas tol kastam
1-800-88-8855 atau pejabat
kastam terdekat dan mem-
beri jaminan bahawa iden-
titi pemberi maklumat
akan dirahsiakan.